

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 October 2015

Najib: Jangan tutup mata kesengsaraan Palestin

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, dunia tidak boleh lagi menutup mata terhadap kesengsaraan yang dialami penduduk Palestin.

Perdana Menteri berkata, sejak berdekad lalu, penduduk Palestin dizalimi dan situasi itu menimbulkan ketegangan yang membawa kepada keganasan, penempatan haram dan pencabulan hak asasi manusia.

Menurut beliau, umat Islam di seluruh dunia berkongsi rasa kecewa, hampa dan amarah penduduk Palestin.

"Saya mewakili Malaysia di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menyeru agar kata sepakat dicapai bagi mengakhiri kezaliman yang dihadapi penduduk Palestin sejak 1948," katanya dalam kenyataan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan melalui laman Facebook beliau, Najib meminta semua pihak di negara ini agar tidak mengeluarkan kenyataan berbau politik yang boleh menimbulkan sengketa dan salah faham.

Beliau memberitahu, pada masa ini rakyat perlu bersatu bagi memastikan negara terus maju dan bukannya berbalah serta tuduh-menuduh.



LEBIH 40 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhimpun secara aman selepas solat Jumaat di hadapan kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bagi membantah pencerobohan rejim Israel terhadap masjid suci Al-Aqsa di Baitulmaqdis, semalam. - BERNAMA